

Headline **Festival filem UPM**
Date **14. Mar 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Sentral**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **B11**
Article Size **36** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



Festival filem UPM

Universiti Putra Malaysia (UPM) buat julung kalinya menganjurkan Pertandingan Festival Filem dan Video Pelajar Interkolej 2008 (FFV) bertujuan memberi pengiktirafan kepada pelajar dalam bidang perfileman dan animasi.

Pemenang pertandingan yang dibahagikan kepada 12 kategori itu diumumkan Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Abdul Malik Simon di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Aziz Shah di sini, baru-baru ini.

Timbalan Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Dr Azali Mohamed, berkata pertandingan itu membuka ruang kepada pelajar untuk menghasilkan karya berdasarkan pemikiran kreatif dengan cara yang menarik dan berkesan.